



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
17 JULAI 2019 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- | | |
|---|----|
| - 3.32 Juta Penduduk terjejas mulai 23 Julai 2019 | 61 |
|---|----|

Utusan Malaysia

- | | |
|----------------------------------|----|
| - Mengapa Perlu Ada Majlis Media | 18 |
|----------------------------------|----|

The Star

- | | |
|---|---|
| - Joint Initiative gives poor chance to get free hearing aids | 5 |
|---|---|

Sinar Harian

- | | |
|-----------------------------------|----|
| - Gangguan air 4 Hari di Selangor | 33 |
|-----------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
17 JULAI 2019 (RABU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	3.32 Juta Penduduk terjejas mulai 23 Julai 2019
Muka Surat	61

Gangguan bekalan air sekitar Selangor, Kuala Lumpur

8H 17/7/19 ms6/

3.32 juta penduduk terjejas mulai 23 Julai

Susulan kerja tambah baik Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1

Oleh Fitri Nizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 3.32 juta penduduk di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur dijangka terjejas susulan kerja penambahan bekalan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) yang bermula 23 Julai depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Suhaimi Kamalzaman, berkata sebanyak 758 kawasan di tujuh kawasan dijangka mengalami masalah gangguan air berjadual antara 36 hingga 84 jam.

Kawasan terbabit adalah Petaling, Klang/Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Kuala Langat.

Beliau berkata, wilayah itu me-



Orang ramai dinasihati menyimpan bekalan air secukupnya kerana lori tangki hanya digerakkan ke kawasan terjejas pada 25 Julai.

[Foto Mohd Yusni Ariffin/BH]

liliki sebanyak 758,570 akaun membeli-belah 3.32 juta pengguna.

"Penambahan bekalan di loji SSP1 ini adalah sejajar dengan matlamat kami untuk meningkatkan kecekapan sistem bekalan air kepada pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Pelanggan akan mengalami gangguan bekalan air secara berjadual seperti yang dimaklumkan bergantung kepada lokasi geografi dan altitud kawasan masing-masing," katanya pada sesi

taklimat ringkas berkaitan kerja penambahan bekalan di loji SSP1, di sini, semalam.

Suhaimi turut menasihatkan orang ramai supaya menyimpan bekalan air secukupnya sekurang-kurangnya untuk dua hari kerana lori tangki hanya digerakkan ke kawasan terjejas pada 25 Julai.

"Seperti yang dimaklumkan, gangguan bekalan air dijangka berlaku pada 23 Julai, namun pergerakan lori tangki hanya dilakukan

sanakan pada 25 Julai.

"Sebelum tarikh itu, lori tangki hanya digerakkan 100 premis kritis yang dikenal pasti seperti hospital, klinik kesihatan, pusat dialisis, majlis perkahwinan dan kematian," katanya.

Untuk menyemak kawasan terbabit dan tempoh masa gangguan, orang ramai boleh merujuk perkara itu di pautan <https://www.syabas.com.my/carianmudahsspl> atau memuat turun aplikasi Air Selangor.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
17 JULAI 2019 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Mengapa perlu ada Majlis Media
Muka Surat	18

Mengapa perlu ada Majlis Media?

Sara Chinnasamy

KENYATAAN Menteri Komunikasi dan Multimedia, Cobind Singh Deo berhubung penubuhan Majlis Media Malaysia (MMM) adalah satu yang dinanti-nantikan. Sudah tiba nasanya untuk Malaysia mempunyai majlis media sendiri kerana ia telah lama libincangkan sejak tahun 1990.

Namun segala perincian perlu ditekiti bagi menyesuaikan dengan jereadar teknologi digital lan perkembangan media. Jsaah menubuhkan adan pengawal selian media bebas ini sudah liperjuangkan oleh pengamal-pengamal media empatan sejak sekian lama lagi mendukung standard ewartawanman, menaikkan abar profesionalisme dan terpidaikan ruang untuk arbitrase aduan awam.

Langkah seterusnya dalam untuk menjadikan adan pengawal selian tu sebagai suatu realiti. 'enubuhan majlis media yang terbuka, bertanggungjawab dan telus lapan membantu membina eyakan terhadap media, menyumbang kepada reod dan organisasi media erita khasnya media erdana. Usul ini adalah satu angkah yang penting dan uga tepat pada waktunya.

Ini memandangkan dua faktor utama iaitu nelindungi dan menaik taraf rofesional kewartawanan media perdana khususnya abaran digital yang erpaka mereka tempuh adan juga memberi entia impak platform-platform media sosial yang memberikan satukan tekanan ang amat mendalam. Iaitu ukur sahaja trend media osial yang banyak ke arah olitik kebencian dan lemen-lemen hasutan an fitnah malah ditambah engan faktor-faktor berita also yang mempunyai lemen *mis-information*, *is-information* dan *mal-information*.

Maka, usaha penubuhan majlis media dan pindaan ndang-undang yang lama mengikut perkembangan



PENUBUHAN majlis media akan meningkatkan lagi imej, kualiti dan profesionalisme industri media tanah air. - GAMBAR HIASAN/BERNAMA

teknologi adalah amat penting. Selain itu, penubuhan majlis media perlu selaras dengan keperluan media cetak dan media elektronik secara menyeluruh. Cadangan ini perlu diambil kira faktor portal-portal media persendirian.

Maka, akta sedia ada dan bersifat lama perlu disemak semua atau dihapusk. Akta yang mengakang kebebasan media seperti PPPA, perlu dimansuhkan. Di dalam keadaan *convergence* teknologi, tiada sebab kita harus menggunakan akta itu. Akta seumpama ini bersifat 'putus' yang pada ketepatannya pada waktu ini. Ini kerana semakin dikongkong kebebasan media maka akan wujudnya populariti platform-platform media sosial yang lain yang membawa maklumat di dalam sekelip mata dengan faktor kepentasan teknologi dan kadar informasi yang banjir menggunakan pelbagai aplikasi interaktif aplikasi di dalam platform mereka.

Kita tidak boleh menggalakkan satu situasi di mana rakyat mendahagakan maklumat dan langsung tidak mempercayai pemberitaan media perdana. Dari segi indeks kebebasan akbar dunia, hari ini kita telah melonjak ke 22 tangga ke atas iaitu 123 berbanding sejauh ini. Hal ini adalah satu tanda petanda yang baik menunjukkan media Malaysia hari ini mempunyai sedikit kebebasan dari segi pemberitaan.

©Wlett-PACKAU

Penubuhan majlis media akan meningkatkan lagi imej, kualiti dan profesionalisme industri media tanah air. Namun, soal kredibiliti yang perlu ditekankan. Sekiranya, kredibiliti dan *transparency* dari segi pemberitaan wujud, sudah tentu ia akan merangsang kewaspadaan kepada media perdana untuk medan perdepanan.

Di negara-negara jiran seperti Singapura dan Indonesia, tidak ada platform media talian persendirian yang meraih populariti kerana rakyat percaya terhadap pemberitaan media arus perdana. Penubuhan Majlis Media Malaysia (MMM) yang diwujud di peringkat perbandaran, diilah mampu akan menjaga integriti profesion kewartawanan. Majlis Media Malaysia (MMM) boleh melindungi wartawan dan melindungi hak mereka.

Apapun, majlis ini harus dikendalikan sepenuhnya oleh pengamal media mampu pada peraturan persekitar media yang sedia ada seperti MPI, MNPB, IOI, NUJ bagi mengelak timbulnya prasangka dalam kalangan masyarakat terhadap fungsi sebenar badan bebas ini nanti. Ia bagi memastikan badan pengawal selia media itu digerakkan berdasarkan konsep dipacu oleh industri dan bukan didorong haluan oleh kerajaan.

PROF. MADYAD SARA CHINNASAMY ialah penggalisis politik dan media sosial dari Fakulti Komunikasi & Pengajaran Media, UTM.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
17 JULAI 2019 (RABU)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Joint Initiative gives poor chance to get free hearing aids
Muka Surat	5



THE STAR
M7/7/19 M85

Lai (right) and Teratai constituency welfare and community development officer Frankie Leong showing a brochure on the programme and the hearing aids that will be given to 13 deserving individuals with hearing loss.

Joint initiative gives poor chance to get free hearing aids

THE Teratai assemblyman's office is joining hands with online healthcare store Big Pharmacy and hearing aid company Phonak Malaysia to donate hearing aids to deserving low-income individuals.

State assemblyman Bryan Lai said 13 individuals would be identified to receive the hearing aids worth a total of RM68,200 as part of a joint corporate social responsibility (CSR) programme.

"We would like to encourage people with hearing loss to apply for this programme as hearing aids are expensive and there are people who cannot afford them."

"All eligible applications are welcome as we want the deserving to get this chance. However, Big Pharmacy will have the final say on the list of 13 successful applicants."

He said eligibility would be based on a diagnosis of each applicant's problem, as well as checks to ensure they are from a household earning no more than RM2,300 a month.

Phonak Malaysia representative and Swiss Medicare Group managing director Vincent Cheong said the collaboration was the company's way of giving back to society.

"This is our first project with Big Pharmacy and the Teratai state assemblyman's office to create more awareness about hearing health-care."

"Hearing problems are often neglected because they do not get the kind of attention eye health issues get from the optical industry."

"One of our main goals is to educate people in the same way the optical industry has played a role in addressing eye health," he said.

Cheong expressed hope that other stakeholders from the industry would take the initiative to provide similar assistance.

Those who wish to apply for a hearing aid can call 03-4297 6688 (Teratai service centre) or visit a Big Pharmacy outlet.

Closing date for applications is Oct 20. — By HARIZ HAFIZ



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
17 JULAI 2019 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Gangguan air 4 Hari di Selangor
Muka Surat	33

Gangguan air empat hari di Selangor

SHAH ALAM - Beberapa kawasan di daerah Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor akan mengalami gangguan bekalan air berjadual bermula 23 hingga 26 Julai ini.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dalam satu kenyataan berkata, penutupan bekalan air itu bagi memberi laluan kerja penambahbaikan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 yang akan dilaksanakan pada jam 9 pagi 23 Julai ini.

Menurutnya, pelaksanaan kerja-kerja tersebut sejajar dengan matlamat bagi meningkatkan kecekapan sistem bekalan air kepada pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Oleh itu beberapa kawasan di Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor akan mengalami gangguan bekalan air berjadual," katanya.

Menurutnya, sebanyak 15 Pusat Khidmat Setempat (PKS) akan diaktifkan mulai 8 pagi 25 Julai ini.

"Dapatkan maklumat gangguan serta status terkini menerusi aplikasi telefon bimbit Air Selangor di Google Play atau App Store serta laman sesawang www.syabas.com.my," katanya.